



SESI bergambar peserta Taklimat e-Aktiviti bersama penceramah jemputan.

JHEP anjur taklimat e-Aktiviti Pelajar UMS

UB 28.3.2019 B2

KOTAKINABALU: Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Bahagian Pembangunan Pelajar menganjurkan Taklimat e-Aktiviti Pelajar yang diadakan baru-baru ini bertempat di Bilik Seminar, JHEP, UMS.

Seramai 55 orang peserta yang mewakili majlis tertinggi, majlis eksekutif serta wakil daripada kelab, persatuan, organisasi pelajar termasuk pemimpin mahasiswa daripada fakulti menyertai taklimat berkenaan.

Objektif taklimat ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang perkara-perkara yang perlu ada kepada seseorang pemimpin dan pengurus.

Kedua, mengetahui kaedah-kaedah pengurusan organisasi pelajar serta mengetahui tatacara penubuhan sebuah badan pelajar khususnya di UMS.

Seterusnya, tatacara mengenai penulisan laporan, surat dan minit mesyuarat yang betul dalam organisasi

badan-badan pelajar dan meningkatkan kemahiran serta pengetahuan dalam menguruskan sesuatu mesyuarat yang bakal dilaksanakan.

Diantara pengisian taklimat ini adalah slot Penulisan Artikel oleh Harun Tambiri daripada JHEP, Pengenalan Pengurusan Organisasi Pelajar dan e-Aktiviti iaitu Sistem Permohonan Aktiviti Pelajar Melalui Atas Talian (Online) yang disampaikan oleh Penolong Pendaftar JHEP Mohd Jamal Bin

Atong dan slot Pengendalian Mesyuarat serta Penulisan Minit Mesyuarat Yang Berkualiti oleh Penolong Pegawai Tadbir JHEP Hilda Sagulu.

Timbalan Naib Canselor (HEPA), Prof. Dr. Ismail Ali, menyarankan agar peserta terutamanya siswa siswi daripada badan-badan pelajar ini untuk mengetahui tatacara rasmi dalam pengurusan organisasi di samping mengetahui prosedur tertentu dalam memohon tajaan dan sebagainya.